

**ANALISIS LIBERALISME AGAMA DI MALAYSIA  
MENURUT PERSPEKTIF AKIDAH ISLAM**

**MUHAMMAD IDRIS DUEREH**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2013**

**ANALISIS LIBERALISME AGAMA DI MALAYSIA  
MENURUT PERSPEKTIF AKIDAH ISLAM**

Oleh

**MUHAMMAD IDRIS DUEREH**

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor

Falsafah

**OKTOBER 2013**

## PENGAKUAN

Dengan ini, saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali petikan dan ringkasan serta jawapan informan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah kerana dengan iradah dan inayahNya sebuah tesis ini dapat disiapkan. Seterusnya, saya berbanyak ucap terima kasih dan penghargaan terutama kepada Dr. Mohd. Farid bin Mohd Sharif, penyelia utama tesis ini yang sudi membimbing dan banyak membantu saya dalam menyempurnakan tesis ini, dan kepada Profesor Madya Dr. Mohd Radzi Othman, selaku penyelia bersama.

Selanjutnya, saya tidak lupa ucap setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Pengurus Rancangan Pengajian Islam dan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Selain daripada itu, saya rasa terhutang budi kepada pihak staf Perpustakaan Hamzah I dan II yang melayani saya dengan layanan yang memuaskan serta beberapa sahabat yang berusaha memberi sumbangan yang berharga untuk tesis ini. Turut ucap terima kasih kepada informan yang memberi kerja sama kepada saya. Akhir sekali, saya berdoa semoga semua dapat kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.

MUHAMMADIDRIS DUREH

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

OKTOBER 2013

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Kandungan	v
Senarai Lampiran	x
Transliterasi	xi
Kata Pendek	xii
Abstrak	xiii
Abstract	xv

## BAB I : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalah Kajian	4
1.3 Kajian Terdahulu	8
1.4 Skop Kajian	21
1.5 Objektif Kajian	21
1.6 Kepentingan Kajian	22
1.7 Metodologi Kajian	26
1.7.1 Sumber-Sumber Primer	27
1.7.2 Sumber-Sumber Sekunder	28
1.7.3 Metode Analisis Data	28
1.8 Huraian Istilah Tajuk Kajian	29

## **BAB II : KONSEP-KONSEP ASAS DALAM AKIDAH ISLAM DAN PENILAIAN PANDANGAN LIBERALISME AGAMA TERHADAPNYA**

2.1 Huraian Tentang Akidah Islam	31
2.1.1 Pendahuluan	31
2.1.2 Takrif Akidah Islam	33
2.1.3 Kaitan Akidah Dengan Iman, Tauhid dan Islam	39
2.1.4 Ciri-Ciri Akidah Islam	45
2.1.5 Akidah, Ilmu Usuluddin, Ilmu Tauhid dan Ilmu Kalam	66
2.2. Konsep Kebebasan Beragama	69
2.2.1 Pengenalan Kebebasan Individu	69
2.2.2 Kebebasan Individu yang Dimaksudkan Islam	70
2.2.3 Kebebasan Sebagai Ujian Individu	76
2.2.4 Aspek-Aspek Kebebasan Individu	78
2.2.5 Kebebasan Beragama ( <i>al-Hurriyyat al-Dīniyyah</i> )	78
2.2.6 Kebebasan Beragama Dan <i>Riddah</i>	96
2.2.7 Faktor-Faktor Penyebab <i>Riddah</i>	102
2.2.8.Pegangan Hati yang Menyebabkan Murtad	103
2.2.9 Pengucapan Lisan yang Menyebabkan Murtad	113
2.2.10 Tindakan Anggota yang Menyebabkan Murtad	114
2.2.11 <i>Riddah</i> Tidak Dibenarkan	117
2.2.12 Hudud Murtad dari Perspektif Akidah Islam	123
2.2.13 Hukuman Hudud Sebagai Tanggungjawab Pemerintah	127
2.2.14 Kebebasan Beragama dan Gelaran Murtad	129
2.2.15 Kaedah <i>Takfir</i>	132
2.2.16 Syarat-Syarat dan Halangan <i>Takfir Khāṣ</i>	134

2.2.17 Kebebasan Beribadah	140
2.2.18 Kebebasan Beribadah Sebagai Satu Ujian	142
2.3 Konsep Pembaharuan Dalam Agama	146
2.3.1 Pendahuluan	146
2.3.2 Prinsip-Prinsip Utama <i>Tajdīd</i>	154
2.3.3 Syari'ah Meraikan Maslahat Manusia	155
2.3.4 Syari'ah Meraikan Adat Manusia	156
2.3.5 Bidang-Bidang <i>Tajdīd</i>	157
2.3.6 Tajdid Pemahaman Teks Agama	161
2.3.7 Pengenalan Ijtihad	171
2.3.8 Klasifikasi Ijtihad	173
2.3.9 Kebebasan Berijtihad	175
2.3.10 Batasan Ijtihad	176
2.4 Konsep Rasional	178
2.4.1 Pendahuluan	178
2.4.2 Hukum-Hukum Syari'ah Dan Rasional	179
2.4.3 Rasional dan Wahyu	186
2.5 Konsep Toleransi Agama ( <i>al-Tasāmuḥ</i> )	190
2.5.1 Pendahuluan	190
2.5.2 Fenomena Toleransi Islam	193
2.6 Kesimpulan	201

### BAB III: KONSEP DAN PERKEMBANGAN LIBERALISME

3.1 Konsep Liberalisme	205
3.2 Kelahiran Liberalisme	208

3.3 Era Sebelum Liberalisme	215
3.3.1 Perkembangan Agama Islam	216
3.3.2 Reformasi Agama Kristian	220
3.3.3 Renaissans	222
3.3.4 Revolusi Sains	223
3.3.5 Perang Saudara di England (1642-1649 M.)	224
3.3.6 Revolusi 1688 M.	226
3.4 Faktor Penyebab Bagi Kemunculan Liberalisme	228
3.4.1 Pemikiran Islam di Eropah	228
3.4.2 Penyelewengan Ajaran Agama Kristian	230
3.4.3 Kezaliman Pemerintahan Beraja Yang Mutlak	232
3.4.4 Kesedaran Sains dan Taakulan Akal Manusia	233
3.5 Liberalisme di Era Zaman Penyerahan Barat	234
3.6 Liberalisme Kontemporari	235
3.7 Kesimpulan	239

## **BAB VI: FAHAMAN LIBERALISME DI MALAYSIA DAN FAKTORNYA**

4.1 Latar Belakang Malaysia	241
4.2 Murtad dalam Undang-Undang Malaysia	250
4.3 Konsep Liberalisme Agama di Malaysia	255
4.4 Kedatangan Liberalisme Agama ke Malaysia	256
4.4.1 Institut Kajian Dasar (IKD)	261
4.4.2 Sisters In Islam (SIS)	267
4.4.3 Middle-Eastern Graduates Centre (MEGC)	273
4.4.4 Kumpulan Artikel 11	278

4.4.5 Majlis Peguam Negara Malaysia	279
4.4.6 Gerakan Tajdid Astora Jabat	282
4.4.7 Ajaran Ayah Pin	287
4.5 Fahaman Liberalisme Agama di Malaysia	288
4.5.1 Fahaman Kebebasan Beragama	288
4.5.2 Fahaman Pluralisme Agama	294
4.5.3 Fahaman Pembaharuan dan Ijtihad	299
4.5.4 Fahaman Toleransi Agama	304
4.5.5 Fahaman Rasionalisme	307
4.6 Faktor-Faktor Penyebab Bagi Fahaman Liberalisme Agama di Malaysia	310
4.6.1 Kejumudan Fiqh	311
4.6.2 Kecintaan Kepada Toleransi dan Kesejahteraan Sejagat	312
4.6.3 Kejahilan Umat Islam	312
4.6.4 Terpengaruh dengan Pemikiran Liberal Barat	313
4.6.5 Kelemahan dalam Pelaksanaan Syari'ah	314
4.6.6 Bantuan Kewangan	314
4.6.7 Jaringan Islam Liberal (JIL) Indonesia	316
4.6.8 Peranan Pusat Feminis Dunia dan Hak Asasi Manusia (HAM)	316
4.7 Kesimpulan	316

## BAB V : PENUTUP

5.1 Hasil Kajian	320
5.1.1 Kebebasan Beragama	322
5.1.2 Pluralisme Agama	323
5.1.3 Pembaharuan dan Ijtihad dalam Agama	324

5.1.4 Seruan Kepada Toleransi Agama	324
5.1.5 Prinsip Rasional	325
5.1.6 Faktor Perkembangan Liberalisme Agama di Malaysia	325
5.2 Saranan	327
5.2.1 Saranan Kepada Pihak Berautoriti	327
5.2.2 Saranan Kepada Pendidik	328
5.2.3 Saranan Kepada NGO	329
5.2.4 Saranan Kepada Masyarakat Umum	329
5.2.5 Saranan Kepada Penyelidik Ilmiah Selanjutnya	329
Bahan Rujukan	331
Lampiran	346

## SENARAI LAMPIRAN

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
Lampiran 1:	Maklumat Temu Bual	346
Lampiran 2:	Contoh Soalan Temu Bual	347
Lampiran 3:	Skrip Jawapan Informan	350
3.1	Skrip Jawapan Al-Mustaqeem	
Mahmod Radhi		350
3.2	Skrip Jawapan Chandra Muzaffar	356
3.3	Skrip Jawapan Astora Jabat	362
Lampiran 4:	Foto Kegiatan Temu Bual	369

## KAEAH TRANSLITERASI

### KONSONEN

ARAB	TRASL.	ARAB	TRASL.	ARAB	TRASL.
ء	,	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	‘	ي	y
ذ	dh	غ	gh		
ر	r	ف	f		
• ة	-ah			اـل	al- / 'l

### VOWEL

ARAB	TRASL.	ARAB	TRASL.
Bacaan Panjang		Diftong	
• اـ\ي	ā	• اوـ	au / aw
• وـ	ū	• ايـ	ai / ay
• يـ	ī	Bacaan Pendek	
Huruf Berulang		• اـ	-a
• يـ	Iyy / ī	• اـ	-i
• وـ	uww / ū	• اـ	-u

Sumber: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## **KATA PENDEK**

<b>Kata Pendek</b>	<b>Kata Penuh</b>
bil.	bilangan
cet.	cetakan
dlm.	dalam
edit.	editor
H.	Hijrah
hlm.	halaman
jil.	jilid
M.	Masihi
m.	meninggal dunia
pbuh.	peace be upon him
penj.	penterjemah
r.a.	rađiyallāh ‘anhu
s.a.w	ṣalla al-Allāh ‘alaihi wa sallam
s.w.t	subḥānahu wa ta‘ālā
t.p.	tanpa penerbit
t.t.	tanpa tarikh
t.t.p.	tanpa tempat penerbit

## **ANALISIS LIBERALISME AGAMA DI MALAYSIA**

### **MENURUT PERSPEKTIF AKIDAH ISLAM**

#### **ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji liberalisme agama di Malaysia daripada sudut akidah Islam untuk melihat kedudukan liberalisme serta memberi penjelasan Islam kepada masyarakat. Kajian yang berdasarkan kualitatif ini mendapat data menerusi dokumen dan temubual dengan pihak yang mendokong liberalisme agama kemudian data diolah dan disusun berdasarkan metode deskriptif dan metode sejarah. Fokus utama kajian adalah kepada isu berkaitan dengan akidah.

Hasil kajian mendapati bahawa fahaman liberal agama bertapak di negara ini dan bergerak menerusi seruan kepada pembaharuan dalam agama dengan dimulakan dengan pentafsiran baru terhadap teks agama. Liberalisme agama mengalami penyelewengan yang berlainan tahap; ada yang sungguh bahaya dan ada pula yang kurang bahaya. Penyelewengan yang sungguh bahaya itu ialah penolakan Nabi Muhammad sebagai utusan Allah. Hasil kajian juga mendapati agama Islam mempunyai identiti yang tetap; bukan segala-galanya dalam Islam berubah menurut zaman. Islam berperanan sebagai guru, maka masyarakat tunduk kepada Islam bukan sebaliknya. Setiap bidang ada ahlinya, maka pembaharuan dalam agama Islam juga ditangani oleh ahlinya.

Islam membawa manusia kepada keselamatan. Oleh yang demikian, sesiapa inginkan keselamatan maka perlu memeluk Islam. Islam tidak memaksa manusia untuk memeluk agamanya kerana kebenaran Islam yang sangat nyata itu. Semua manusia ialah hamba Allah s.w.t. dan lagi pula menjadi umat Nabi Muhammad

s.a.w. maka setiap orang wajar memeluk Islam. Pluralisme agama tajaan Muslim liberal bercanggah dengan Islam. Tambahan pula berdialog dengan non-Muslim, ajaran ke arah bertoleransi, menghormati orang lain, menunai hak kepada ampunya dan berlaku adil antara gender, semuanya itu terkandung di dalam Islam.

Pengaruh liberalisme agama terhadap pemikiran informan adalah jelas kelihatan. Mereka memandang baik kepada kebebasan individu Muslim dalam menukar agama. Pihak berkuasa tidak mempunyai sebarang hak untuk menyekat mereka daripada berbuat demikian. Mereka juga memandang baik kepada prinsip pluralisme agama dalam erti menyamakan agama-agama dari segi keaktifannya buat masa kini dan semua manusia yang tunduk kepada Tuhan, berakhlik mulia dan beramal makruf dianggap Muslim walaupun menolak kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

Informan juga sama-sama mempertikaikan pelaksanaan hudud yang disebut nas secara *qat’iyy* dengan alasan bahawa itu bukan shari’ah, tetapi hukuman Muslim dalam sejarah. Umat Islam kini, bagi mereka, boleh memilih hukuman Islam yang sesuai berdasarkan konteks semasa. Seterusnya, Informan bersikap positif terhadap perjuangan prinsip musawah antara gender serta mempersalahkan tafsiran ulama silam dengan hujah yang tidak relevan.

# **AN ANALYSIS OF RELIGIOUS LIBERALISM IN MALAYSIA**

## **ACCORDING TO PERSPECTIVE OF ISLAMIC CREED**

### **ABSTRACT**

This thesis attempted to investigate religious liberalism in Malaysia, specifically from the perspective of '*aqidah Islam* (Islamic belief). It aims to observe the position of liberalism as well as to explain to the society about Islam. In accomplishing this research, qualitative data collection was employed, in which document analysis and interviews with those who support religious liberalism were conducted. The data gained then arranged and analysed with descriptive and historical method. The main focus of the research was the issue of '*aqidah* (belief).

The research finds that there exists the movement of religious liberalism in the country. It progresses by disseminating transformation in religion, which begins with new interpretations of religious texts. Religious liberalisms undergo different levels of distortion; some are extremely dangerous while some others are mildly dangerous. The extremely dangerous distortion includes the rejection of the Prophet Muhammad as the messenger of Allah. Besides, the research also discovers that Islam has a permanent identity where not all aspects in Islam change according to time. Islam plays the role of a teacher that the society is to obey the religion and not in the other way round. Every single field has its experts and all the transformations in the religion of Islam should be handled by its experts.

Islam brings people to safety. Therefore, those who seek for safety are always encouraged to embrace Islam although there is no compulsion for them to act so. It is important to note that Islam is a religion of truth and all human beings are the servants of Allah s.w.t. and are to obey to the teachings of the Prophet. This indicates

the reason why all people should believe in Islam. religious pluralism, as propagated by the Liberal Muslims, is against Islam. Nevertheless, it is vital to understand that Islam has never rejected the idea of dialoging with the non-Muslims, tolerating, respecting towards others as well as being fair between different genders.

The influence of religious liberalism is clearly seen in the thoughts of the informants involved in this research. All of informants hold to the principle that Muslim individuals are free to change their beliefs. The authority has no right to stop them from committing such action. They also view the principle of religious pluralism positively, in which they equate all the religions to one another in terms of their activeness during this current situation and all human beings who obey God, practice good moral conduct are deemed as Muslim despite their rejections towards the prophecy of Muhammad (pbuh.).

They also argue the implementation of *hudūd* system that is proclaimed as *qat’iyy* for they believe that the system is not part of *sharī’ah* yet a form of punishment by the Muslims in the history. The Muslims nowadays, according to them, may choose Islamic punishments that suit the current context. They also postulate the principle of *musāwāh* between different genders and blame the interpretations of classical scholars with irrelevant arguments.

## BAB: I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang telah lama menerima Islam. Menurut Mohd Zamberi A. Malek, agama Islam tiba di Alam Melayu sekitar abad ke-11 M. hingga abad ke-13 M.<sup>1</sup> Sementara Abu Talib Ahmad lebih setuju dengan pendapat Mahayudin Haji Yahaya yang melihat kedatangan Islam ke Alam Melayu ini lebih awal, iaitu bermula pada kurun ke – 9 M, menerusi pendakwah Syiah seramai seratus orang, yang diketuai Nakhoda Khalifah. Teori ini dibentuk berdasarkan sumber Cina, Arab dan penelitian terhadap teks-teks agama dan juga hikayat-hikayat Melayu.<sup>2</sup>

Walau bagaimanapun, penetapan tarikh awal kemasukan Islam ke kawasan Nusantara dan juga sejarah pengislaman rantau ini sememangnya berlaku perbezaan pandangan dalam kalangan ahli sejarah, sama ada dari Barat mahupun dari tempatan,<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Mohd Zamberi A. Malek, “Kebudayaan dan Tamadun Melayu Patani”, (kertas kerja yang dibentangkan dalam Simposium Wilayah Perbatasan Malaysia – Thailand. Anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada 16 MAC 1996, Dewan Anwar Mahmud, UKM), hlm. 8.

<sup>2</sup> Abu Talib Ahmad, “Zaman Pra-Melaka/Pra Ialam dan Identiti Politik Melayu”, dlm. Abdul Rahman Haji Ismail, 2005, *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 58.

<sup>3</sup> Mohd Lazim Lawee, dalam bukunya “*Sejarah dan Perkembangan Agama Anutan Masyarakat Melayu Patani*”, menyebut bahawa para sejarawan tempatan kebanyakannya berpendapat bahawa kedatangannya di rantau ini berlaku pada abad ke-7 M atau ke-8 M. lagi, atau selewat-lewatnya pada abad ke-10 M atau ke-11M. Manakala para sarjana Barat pula bersetuju bahawa kemasukan Islam di Sumatera pada abad ke-13M, dan ke Tanah Melayu pada abad ke- 15 M, lihat Mohd Lazim Lawee, 2003, *Sejarah*

kesemuanya ada kemungkinan benar, kerana telah sedia maklum Nusantara mempunyai kawasan yang luas. Ia meliputi wilayah-wilayah selatan Thailand (Patani), Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak), Brunei, Singapura, Indonesia dan pulau-pulau di Filipina. Ini menyebabkan riwayat kes-kes sejarah termasuklah tarikh kedatangan Islam di kawasan ini boleh berbeza.

Dalam beberapa abad kemudian selepas pengislamahan Nusantara, terutamanya pada zaman pemerintahan ratu-ratu di Patani tahun 1584-1686 M,<sup>4</sup> masyarakat Melayu telah berubah dari menganut agama Hindu-Buddha kepada menganut agama Islam secara aman tanpa sebarang paksaan atau perang. Menurut Mohd Zamberi A. Malek, “perubahan yang diterima telah mengubah sama sekali cara hidup masyarakat Melayu lahir dan batin.”<sup>5</sup>

Pengkaji masih lagi sangsi, hingga kini, dengan kebenaran dari kenyataan Mohd Zamberi A. Malek yang di atas. Tidak dinafikan perubahan itu telah wujud dalam sejarah Nusantara, tetapi kejayaannya yang dicapai sehingga dapat mengubah sama sekali corak kehidupan orang Melayu lahir dan batin seperti yang digambar oleh Mohd Zamberi A. Malek itu, pada pandangan pengkaji, tidak boleh diterima dengan sepenuhnya, lebih-lebih lagi perubahan dalam bidang akidah. H.O.K. Rahmat S.H. telah menulis mengenai faktor-faktor pencemaran akidah di Nusantara. Beliau memaparkan dalam bukunya bermacam-macam kepercayaan lama seperti Dinamisme,<sup>6</sup> Animisme,<sup>7</sup>

---

*dan Perkembangan Agama Anutan Masyarakat Melayu Patani*, Thailand: Pusat Kebudayaan Islam, al-Kulliyyah al-Islâmiyyah Yala, hlm. 59.

4 Mohd Zamberi A. Malek, “Kebudayaan dan Tamadun Melayu Patani”, hlm. 7.

5 Mohd Zamberi A. Malek, “Kebudayaan dan Tamadun Melayu Patani”, hlm.6.

6 Kepercayaan adanya tenaga yang tak berperibadi (*Mana*) dalam diri manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, dalam kata yang diucapkan atau dituliskan, dalam tanda-tanda yang dirakamkan, dan lain-lain sebagainya, lihat Melville Jacobs & Benhaed J. Stern, 1952)

dan Totemisme,<sup>8</sup> dan bermacam-macam Magis<sup>9</sup> dan Religis, seperti Tabu, Kepawangan, dan lain-lain bid`ah yang wujud di bumi Nusantara. H.O.K. Rahmat S.H. menegaskan bahawa kepercayaan Animisme dan Dinamisme tidak hilang dengan kedatangan berbagai agama ke rantau ini (Nusantara).<sup>10</sup> Bahkan beliau menegaskan bahawa kemasukan Islam di Nusantara tidak mengubah bentuk kebudayaannya, kerana sebahagian ajaran Islam yang datang ke sini telah dicampuradukkan dengan doktrin-doktrin lain seperti Syiah, Jabariyyah, Hinduisme, unsur-unsur Zarathustra, Budhisme dan sebagainya.<sup>11</sup>

Di selatan Thailand, Mohd Lazim Lawee,<sup>12</sup> dalam bukunya “Sejarah dan Perkembangan Agama Anutan Masyarakat Melayu Pattani”, juga memuatkan perkara yang sama dengan apa yang dipaparkan oleh H.O.K. Rahmat di atas.

Kenyataan para sarjana yang tersebut di atas menunjukkan dakwaan Mohd Zamberi A. Malek itu perlu diulangkaji semula, dan kenyataan H.O.K. Rahmat yang telah disebutkan di atas adalah lebih tepat dalam menggambarkan realiti pegangan orang Melayu di zaman silam. Realiti tersebut menjadi lebih jelas lagi apabila H.O.K.

---

, hlm. 201, dlm. H.O.K. Rahmat H.S., 1983, *Pencemaran Akidah di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 8.

7 Kepercayaan akan adanya jiwa dan roh yang dapat mempengaruhi kehidupan alam manusia, lihat H. Th. Fischer, 1954, *Pengantar Antropologi Kebudayaan Indonesia*, Terjemahan Anas Makruf, Jakarta: P.T. Pembangunan, hlm. 134 dan E. Adamson Hoebel, 1949, *Men in the Primitive World*, London: McGraw Hill Book, hlm. 405-406, dlm. H.O.K. Rahmat H.S., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, hlm. 19.

8 Kepercayaan bahawa mereka berasal dari sebangsa haiwan atau tumbuh-tumbuhan. Atau antara mereka dengan haiwan atau tumbuhan itu ada ikatan persamaan nasib, lihat H.O.K. Rahmat H.S., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, hlm. 34.

9 Penguasaan terhadap tenaga ghaib dengan tindakan tertentu. Religis pula ialah pemujaan dan penghambaan diri kepada sesuatu kuasa ghaib, lihat Melville Jacobs & Benhaed J. Stern, 1952, General Anthropology, New York: Bernes and Noble, hlm. 202 dan H. Th. Fischer, *Pengantar Antropologi Kebudayaan Indonesia*, hlm. 125 dlm. H.O.K. Rahmat H.S., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, hlm. 25.

10 H.O.K. Rahmat H.S., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, hlm. vi.

11 H.O.K. Rahmat H.S., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, hlm. 6.

12 Mohd Lazim Lawee, *Sejarah dan Perkembangan Agama*, hlm. 15-38.

Rahmat telah menggambarkan tanggapan orang Melayu terhadap Islam yang masuk ke Nusantara pada zaman dahulu dengan katanya:

Ketika Islam mula-mula masuk dahulu kebanyakan orang tidak menganggap Islam sebagai agama yang bertentangan dan berlainan dengan kepercayaan-kepercayaan yang sudah ada di sini. Orang tidak menganggapnya sebagai suatu revolusi terhadap kepercayaan yang ada. Walau bagaimanapun, ia berjaya menarik manusia daripada penyembahan patung-patung berhala, meskipun tidak sama sekali dapat membersihkannya daripada syirik dalam bentuk yang lain.<sup>13</sup>

Sama seperti umat Islam yang lain, umat Islam Nusantara dewasa ini diserang dengan berbagai ideologi. Kalau di zaman silam, mereka menghadapi, di sudut akidah, kepercayaan-kepercayaan seperti Dinamisme, Totemisme, idea kesatuan alam, ilmu sejati, ajaran sesat dan lain-lainnya.<sup>14</sup> Maka dewasa ini mereka menghadapi pula berbagai idea baru, seperti komunisme, kapitalisme, sekularisme, liberalisme dan lain-lain idea bid'ah yang mencabar akidah Islam. Idea-idea baru ini, terutamanya liberalisme, iaitu gagasan idea yang mementingkan kebebasan individu, dalam berfikir, bersuara dan beragama, di mana ia memiliki prinsip-prinsip yang pada lahirnya hampir sama dengan Islam. Bagi orang yang tidak mendalami akidah Islam dan juga syariatnya akan memandang baik kepada idea itu dan mudah terpengaruh dengannya. Kini, ternyata bahawa terdapat sebahagian kecil daripada masyarakat Malaysia telah terpengaruh dengan liberalisme dengan sebab yang demikian.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan yang dikenalpasti dalam kajian ini ialah liberalisme agama, suatu fahaman yang memperjuangkan kebebasan individu dalam memahami dan mentafsirkan

---

13 H. O.K. Rahmat S.H., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, hlm. 6.

14 H. O.K. Rahmat S.H., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, hlm. 8 dan seterusnya.

nas-nas agama. Di Malaysia, fahaman ini didokong oleh sekumpulan Muslim dari beberapa pertubuhan seperti Institut Kajian Dasar (IKD), Sisters in Islam (SIS) dan jaringannya, Middle Eastern Graduates Centre (MEGC) dan jaringannya, Pertubuhan Interfaith Commision (IFC) yang dinaungi oleh persatuan Peguam Malaysia, gerakan tajdid Astora Jabat dan kumpulan Ayah Pin<sup>15</sup>.

Pandangan mereka terhadap Islam disifatkan oleh Mohd Asri bin Zainul Abidin sebagai pandangan bid'ah yang sangat merbahaya pada zaman ini yang mengancam akidah dan ibadah.<sup>16</sup> Isu-isu berkaitan liberalisme agama yang timbul di Malaysia ialah isu murtad yang melanda masyarakat Islam terutama sekali pada zaman morden ini. Dalam konteks kebebasan murtad ini, al-Mustaqeem Mahmod Radhi, salah seorang tokoh muda liberalisme agama menyatakan bahawa orang Islam boleh menukar agama atau menjadi murtad dengan bebas<sup>17</sup>. Beliau berkata demikian dengan berpegang kepada hujah sepotong ayat al-Quran yang berbunyi:

فَمَنْ شَاءَ فَلِيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلِيَكُفُرْ

Maksudnya: oleh itu, siapa mahu maka berimanlah dan siapa mahu maka kufurlah.(al-Kahf: 29).

Sepotong lagi ayat yang berkaitan ialah:

﴿ لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيْرِ ﴾

Maksudnya: Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran dari kesesatan ... ( al- Baqarah: 256.)

---

15 Rahimin Affandi Abd. Rahim et. al. "Islam Liberal di Indonesia: Satu Analisis Pengalaman Kajian Lapangan" dlm. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (penyelenggara), 2009, *Islam Liberal: Isu dan Cabaran*, Malaysia: Persatuan Ulama' Malaysia, hlm.163-166. Dan Marzuki Mohamad, "Manifestasi Islam Liberal di Malaysia: Dimensi Politik dan Undang-Undang", dlm. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (penyelenggara), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran*, hlm. 234.

16 Mohd Asri bin Zainul Abidin, 2005, *Bid'ah Hasanah: Istilah yang Disalah Fahami*, Johor Baru: Perniagaan Jahabersa, hlm. 6.

17 Temu bual dengan al-Mustaqeem Mahmod Radhi, bekas Pengarah Eksekutif MEGC, di Whitehouse Restoran, Merchant Square, Damansara, pada Selasa 05 Oktober 2010, jam 10.00-11.00 pagi.

Ayat yang di atas ditafsirkan sejajar dengan konsep yang dipegang selama ini iaitu konsep kebebasan individu dalam beragama<sup>18</sup>.

Konsep ini menjadi satu sebab yang mendorong sejumlah orang Islam di Malaysia menjadi murtad. Contoh yang paling dekat ialah isu anak-anak seni Institut Kajian Dasar (IKD) yang menolak agama<sup>19</sup>, dan isu murtad Azlina Jelani (Lina Joy)<sup>20</sup>.

Selain isu murtad, isu pluralisme agama. Pendokong liberalisme agama ini menganggap bahawa segala agama akan bertemu pada titik yang satu sehaja iaitu ketundukan kepada Tuhan. Daripada pluralisme agama, muncul beberapa dakwaan yang salah, seperti dakwaan bahawa penganut semua agama akan masuk Syurga, selain Islam ada lagi jalan-jalan menuju ke Syurga, semua manusia sama-sama mencari Tuhan sebenar, penganut sesuatu agama tidak boleh mendakwa agamanya adalah yang terbaik<sup>21</sup>.

Pentafsiran baru terhadap perkataan “Muslim” di dalam al-Quran boleh dikaitkan dengan isu liberalisme agama. Menurut pentafsiran ini, Muslim yang tersebut di dalam al-Quran ialah mereka yang tunduk dan menyerah diri kepada Tuhan, melakukan amal bakti dan berbudi pekerti yang baik. Sesiapa berkelakuan dengan yang

---

<sup>18</sup> Temu bual dengan al-Mustaqeem Mahmod Radhi.

<sup>19</sup> Harian Metro Jumaat, 11 Mei 2007.

<sup>20</sup> Mahamat Naser bin Disa, “Cabaran-cabaran Untuk Memperkuuhkan Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan”, dlm. Abdullah Sudin Abdul Rahman dan Johari Mat (Penyelenggara), 2006, *Islam Dari Sudut Undang-undang dan Perlembagaan Malaysia: Isu Murtad*, Kota Bharu, Kelantan: Dian Darulhaim Sdn. Bhd. hlm. 42.

<sup>21</sup> Temu bual dengan al-Mustaqeem Mahmod Radhi.

demikian ia adalah orang Islam walaupun tidak mengucap bahawa Nabi Muhammad itu Rasulullah<sup>22</sup>.

Di Malaysia, terdapat isu-isu berkaitan liberalisme agama yang diperjuangkan oleh NGO yang ditubuhkan oleh kaum wanita. Seperti isu kesetaraan antara gender yang diutarakan oleh Sisters in Islam (SIS). Mereka menilai bahawa amalan keagamaan yang diamalkan sekarang menyebelahi kaum lelaki kerana itu adalah ajaran yang dibuat oleh lelaki di atas nama Islam, sedangkan Islam sebenar mempunyai prinsip kesamaan dan keadilan antara gender<sup>23</sup>.

Semua isu-isu di atas dan lain-lain yang seumpamanya mencerminkan perjuangan golongan liberalisme agama dan menjadi permasalahan semasa yang perlu dikaji dan dianalisa secara ilmiah. Tesis ini akan mengambil tugas yang terpenting itu dalam membuat kajian dan analisa isu-isu berkaitan liberalisme agama menurut perspektif akidah Islam. Usaha ini akan dilakukan dengan mencari jawapan kepada soalan-soalan yang di bawah:

- a. Apakah konsep liberalisme agama?
- b. Bagaimanakah konsep itu masuk dan bertapak di Malaysia?
- c. Sejauh manakah pengaruh liberalisme agama di Malaysia?
- d. Apakah kedudukan fahaman itu dalam perspektif akidah Islam?

---

<sup>22</sup> Temu bual dengan Chandra Muzaffar, the President of the International Movement for a Just World (JUST), di CenPris, USM, pada 18 / 11 / 2010, jam 11.20 am.

<sup>23</sup> Norani Othman, “Introduction: Muslim Women and the Challenge of Political Islam and Islamic Extremism” dlm. Norani Othman (edit.) 2005, *Muslim Women and the Challenge of Islamic Extremism*, Sisters in Islam, Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn Bhd. hlm. 8-9.

### **1.3 Kajian Terdahulu**

Sepanjang usaha penelitian yang dibuat terhadap bahan-bahan bacaan mengenai tajuk kajian ini, terdapat buku-buku mengenai gerakan-gerakan dan aliran-aliran pemikiran, sama ada klasik mahupun yang moden, telah banyak dihasilkan di nusantara ini. Begitu juga dengan buku-buku dan kajian-kajian ilmiah tentang pencemaran agama dan akidah Islam juga banyak dijumpai di sini. Akan tetapi kajian ilmiah yang membabitkan secara khusus mengenai ancaman liberalisme terhadap akidah Islam di kalangan masyarakat Malaysia belum lagi didapatinya. Berikut ini, pengkaji membentangkan sebahagian daripada kajian-kajian terdahulu yang utama:

1. Bertrand Russell, 1961, “*The History of Western philosophy and its Connection with Political and Social Circumstances from the Earliest Times to the present Day*”. Buku ini pada keseluruhannya, membincangkan sejarah falsafah yang tumbuh di Barat. Tujuan Russell ialah untuk memaparkan falsafah sebagai satu bahagian yang penting untuk melengkapkan kehidupan sosial dan politik.

Selaras dengan tujuan Russell, bukunya menghuraikan sejarah perkembangan liberalisme dan idea-idea lain dengan menitikberatkan huraian di sudut falsafah. Berdasarkan kepada pembentangan Russell, fahaman liberalisme yang bermula dari England dan Belanda itu dibina di atas dasar individualisme, kerana itulah ia sangat-sangat menghargai hak harta benda terutama yang dikumpulkan dengan hasil usaha

individu itu sendiri. Bentuk liberalisme yang bersifat begini, menurut Russell, menguasai orang Inggeris pada abad kelapan belas masihi.<sup>24</sup>

Dalam paragraf-paragraf akhir bab ke XII dari buku III ini, Russell menyebut peristiwa-peristiwa yang berlaku di England, pada abad ketujuh belas masihi, yang berpengaruh dalam pembentukan falsafah John Locke (m. 1704), ahli falsafah moden yang paling berpengaruh.<sup>25</sup>

Dari huraiyan yang di atas, ternyata bahawa idea liberalisme telah dibahas dalam buku ini bersama-sama dengan idea-idea moden yang lain.

2. ‘Adnān Muḥammad Usāmat, 2001, “*al-Tajdīd fī al-Fkr al-Islāmiyy*”. ‘Adnān menjalankan kajian ilmiah, peringkat Ijazah Falsafah Doktor (Ph. D), mengenai pembaharuan dalam pemikiran Islam, di kolej al-Imām al-Auzā‘iyy, Bairūt. Kemudian, dipereksa serta diluluskan dengan pangkat cemerlang. Tesis yang tersebut membahas isu-isu yang membabitkan pembaharuan Muslim liberal Arab dalam beberapa aspek; akidah, fiqh dan Usulnya, tafsir dan Usulnsya, hadis dan Ilmunya, sejarah Islam dan Ilmu al-Suluk.

Dalam bab keempat, fasal keenam, ‘Adnān membincangkan aliran pembaharuan yang menyeleweng dalam bidang akidah, Usul al-Fiqh, Sunnah dan Fiqh. Adalah perlu

---

<sup>24</sup> Bertrand Russell, 1961, *the History of Western Philosophy and its Connection with Political and Social Circumstances from the Earliest Times to the present Day*, London: George Allen & Unwin Ltd, hlm. 584.

<sup>25</sup> Russell, *the History of Western Philosophy*, hlm. 584.

diketengahkan di sini bahawa sesungguhnya bunuh adalah hukuman ke atas murtad dengan ijmak para ulama generasi salaf dan khalaf<sup>26</sup>.

3.Mahfuzah Mustafa, 2002, menulis mengenai pendekatan liberalisme dalam hubungan antarabangsa. Karyanya itu dimuatkan dalam buku “*Politik Malaysia: Perspektif, Teori dan Praktik*” suntingan Ghazali Mayudin. Selepas kata-kata pengenalan, penulis menerangkan pengertian dan latar belakang kewujudan pendekatan liberalisme<sup>27</sup>, kemudian menyelusuri sejarah perkembangan pendekatan ini. Dari sudut perkembangan sejarahnya pula, menurut Mahfuzah, liberalisme hidup dalam dua era; iaitu era klasik dan era moden. Menurut Mahfuzah, liberalisme dalam era klasik, difahami sebagai satu hak positif yang berkait rapat dengan hak dan kewajipan warganegara seorang individu untuk turut serta dalam perdebatan dan membuat keputusan awam, sementara liberalisme moden pula mempunyai maksud tersirat kekebalan seorang individu daripada campurtangan pihak berwibawa sebuah orde sosial, jaminan ini tidak akan diganggu oleh sesiapa pun, di samping kebebasan dan kemerdekaan individu.

Menyentuh dasar liberalisme, Mahfuzah Mustafa menjelaskan komponen asasnya berkait dengan cara memelihara dan mempertahankan hak asasi dan kebebasan individu daripada dihakis atau didominasi oleh kuasa pemerintah.

---

<sup>26</sup> ‘Adnān Muḥammad Umāmat, 1424 H., *al-Tajdīd fī al-Fikr al-Islāmiyy*, Arab Saudi: Dār Ibn al-Jauziyy, hlm. 523.

<sup>27</sup> perkataan “liberalisme” berasal daripada istilah Latin, liber. *Great Dictionary of the English Language*, Reader’s Digest Association Limited, 2001, “liberal”, hlm. 556.

Seterusnya, Mahfuzah Mustafa menghuraikan, dengan agak ringkas, pelbagai pendekatan liberalisme dalam hubungan antarabangsa; iaitu, liberal internasionalisme, idealisme dan liberal institusionalisme. Sebelum kesimpulan dibuat, Mahfuzah Mustafa menggambarkan perkembangan kini liberalisme dalam bidang politik. Menurutnya, pada kebelakangan ini nilai yang diperjuangkan oleh liberalisme mula dipertikaikan dan keyakinan para sarjana politik antarabangsa terhadap kewibawaan liberalisme mula merosot.

Walau bagaimanapun, huraihan di atas menunjukkan karya yang dihasilkan oleh Mahfuzah Mustafa ini, pada keseluruhannya, mengolah persoalan liberalisme di sudut politik tanpa membabitkan sedikitpun dalam perbincangan akidah.

4. Bernard Lewis, et. al. 2002, “*Islam Liberalisme Demokrasi: Membangun Sinerji Sejarah, Doktrin, dan Konteks Global*”. Penterjemah dan editornya ialah Mun`im A. Sirry. Karangan Bernard yang mengandungi lima bahagian ini mengumpulkan tulisan-tulisan sumbangan ahli fikir, yang majoritinya dari Indonesia. Tajuk-tajuk tulisan itu berkisar pada persoalan Islam dan demokrasi liberal. Menurut Mun`im, koleksi karya-karya mereka dibukukan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan masyarakat beragama, pada ketika itu, yang mula menerima sistem demokrasi, dan untuk mendorong perdebatan yang bersifat intelektual mengenai hubungan Islam dengan demokrasi liberal. Demokrasi liberal yang dikemukakan oleh Bernard Lewis di dalam buku ini berbeza dengan demokrasi biasa. Mengikut Lewis, demokrasi liberal bermaksud metode umum dalam memilih dan mengantikan

pemerintahan negara sebagaimana yang berkembang dalam negara Inggeris dan tersebar ke negara-negara yang menggunakan bahasa Inggeris<sup>28</sup>.

Selain tujuan yang di atas, buku ini juga mencadangkan penerapan sistem demokrasi liberal dalam sistem pemerintahan Islam. Islam dilihat sebagai agama yang sempit, terpencil dari masyarakat maju, terutamanya dari sudut sistem pemerintahan. Demikian juga umat Islam telah dianggap sebagai umat yang statik dan konservatif. Umat Islam hanya pandai menurut jejak langkah orang yang sebelumnya, dan sukar menerima perubahan.

Satu cadangan daripada seorang penyumbang dalam buku ini, Laith Kubba, iaitu dunia Islam perlu dapat berkomunikasi dengan dunia-dunia lain pada zaman global ini, agar menerima konsep pluralisme, sistem pemerintahan terbuka dan sistem demokrasi liberal. Beliau berkata pada akhir makalahnya:

Maka, jalan bagi masa depan yang lebih baik bergantung pada pengakuan atas pluralisme, penggunaan sistem politik yang terbuka dan pembentukan pemerintahan demokrasi di seluruh dunia Islam<sup>29</sup>.

5. Hamid Fahmy Zarkasyi dan rakan-rakannya, 2004, “*Tantangan Sekularisasi dan Liberalisasi di Dunia Islam*”. Buku ini disunting oleh Tim Editor LB Press. Buku ini mengandungi tiga artikel. Pertama, “Islam Sebagai Pandangan Hidup” oleh Hamid Fahmy Zarkasyi; kedua, “Menelusuri Jejak Sekularisasi” oleh Adnin Armas; ketiga, “Liberalisasi Islam Tantangan bagi Peradaban Melayu” oleh Adian Husaini.

---

<sup>28</sup> Bernard Lewis, et. al. 2002, *Islam Liberalisme Demokrasi: Membangun Sinerji Sejarah, Doktrin, dan Konteks Global*. Penterjemah dan editornya: Mun'im A. Sirry. Jakarta: Paramadina, hlm. 46.

<sup>29</sup> Laith Kubba, “Islam dan Demokrasi Liberal: Pengakuan Terhadap Pluralisme”, dlm. Bernard Lewis, et. al. *Islam Liberalisme Demokrasi*, hlm. 92.

Buku ini menerangkan Islam sebagai pandangan hidup. Selain itu, buku ini mengkritik pendekatan sekularisasi dan liberalisasi dalam urusan Islam. Adian Husaini, dalam artikelnya, menyentuh perkembangan sekularisasi dan liberalisasi di Indonesia, serta menganggap pendekatan ini menyanggah akidah, syariah dan al-Qur'an, kerana mengandungi konsep pluralis. Adian Husaini menegaskan bahawa konsep Teologi Inklusif atau Pluralis yang mengakui kebenaran semua agama seperti yang disampaikan oleh para tokoh Islam Liberal di Indonesia itu jelas bercanggah dengan konsepsi Tauhid Islam.<sup>30</sup>

Pengkaji amat setuju dengan penegasan Adian itu, tetapi perkara yang perlu diperjelaskan di sini ialah konsep pluralis yang tersebut bukan menyanggah akidah hanya dari sudut Tauhid sahaja, malah ianya juga menyanggah akidah dari sudut-sudut lain lagi seperti *walā'* dan *barā'*. Ini akan dijelaskan dalam tesis ini.

6. Yusuf al-Qarađāwiyy, pengarang buku yang berjudul “*al-Hulūl al-Mustauradah*” (Penyelesaian-penyelesaian dari Luar). Pada asasnya, penulis bertujuan untuk mengemukakan Islam sebagai penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Timur Tengah. Sebelum bercakap mengenai Islam dan kewibawaannya dalam menyelesaikan masalah umat, penulis kemukakan dahulu berbagai ideologi Barat yang dipinjam selama ini untuk menyelesaikan masalah umat Islam di Timur Tengah, tetapi kesemuanya bukan sahaja gagal, bahkan meninggalkan kesan negatif pada masyarakat tersebut. Antara ideologi-ideologi tersebut ialah liberalisme. Kesan negatif yang ditinggal oleh ideologi ini menyaluruh dalam berbagai bidang hidup

---

<sup>30</sup> Hamid Fahmy Zarkasyi dan kawan-kawannya, 2004 , *Tantangan Sekularisasi dan Liberalisasi di Dunia Islam*, Jakarta: Penerbit Khairul Bayan, hlm. 74 .

masyarakat Timur Tengah, sama ada bidang politik, ekonomi, pentadbiran, pelajaran, pendidikan, pemikiran dan kepercayaan atau akidah.

Yusuf al-Qarađāwiyy menegaskan bahawa fahaman liberalisme yang menguasai Timur Tengah itu adalah fahaman penajah Barat, fahaman bercorak sekularisme dan nasionalisme, seperti mana beliau berkata mengenai fahaman liberalisme:

dan pada masa yang sama, ianya adalah aliran sekularisme, nasionalisme atau perkauman, dan ia juga pada awalnya dan akhirnya adalah aliran yang diimport, yang menjadikan Barat sebagai kiblat dan imam ikutan dalam sebahagian besar daripada urusan hidup.<sup>31</sup>

Buku ini, seperti mana yang dapat dilihat, membentangkan ideologi-ideologi dari Barat yang diimport untuk menjadi formula dalam menyelesaikan masalah masyarakat Islam Timur Tengah, bukan di nusantara. Di samping itu, penulis membongkarkan kesan negatif dalam berbagai aspek hidup masyarakat di sana akibat daripada pelaksanaan ideologi-ideologi Barat.

7. Adnin Armas, M.A. 2003, *Pengaruh Kristen-Orientalis Terhadap Islam Liberal*. Buku ini memaparkan dialog interaktif yang berlangsung antara penulis dengan aktivis Jaringan Islam Liberal. Persoalan-persoalan yang dibahaskan itu, pada keseluruhannya, berhubungan dengan politik, tidak menyentuh fasal akidah dengan secara langsung.

Mengenai kebebasan beragama, penulis menghuraikannya menurut konsep politik Harvey Cox. Menurut Cox, dunia ini perlu dikosongkan dari nilai-nilai rohani dan agama. Sains akan berkembang dan maju jika dunia dikosongkan dari tradisi atau agama yang menyatakan adanya kekuatan super natural yang menjaga dunia, kerana

---

<sup>31</sup> Yusuf al-Qarađāwiyy, 2001, *al-Ḥuḍūl al-Mustauradat*, Bairūt: Mu'assasat al-Risālat, hlm.52.

kekuatan ghaib itulah, maka bagi tokoh-tokoh agama konservatif, dunia tidak boleh diperlakukan sewenang-wenang. Padahal, pembebasan dunia dari nilai-nilai ghaib itu menjadi syarat penting bagi usaha-usaha urbanisasi dan modernisasi.<sup>32</sup>

Dengan anutan ideologi Cox inilah, membuat pro Islam Liberal mahu bebas dari akidah dan syari'ah Islam.

8. Adian Husaini dan Nuim Hidayat, 2002 , *Islam Liberal: Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan dan Jawabannya*. Penulis cuba memberi komentar terhadap gagasan tokoh-tokoh Islam Liberal Indonesia, serta meluruskan penyimpangan mereka.

Dalam bab 3 dari buku ini, penulis membincangkan konsep yang dibawa oleh golongan Islam Liberal sebagai penghancur akidah Islam dengan agak detil. Sama seperti buku yang dahulu, di sini, Adian dan rakannya menjuruskan penyanggahan konsep inklusif dan pluralis itu kepada hanya bidang Tauhid sahaja, sepertimana yang telah dikritik oleh pengkaji. Sebenarnya, bahaya gagasan Islam Liberal ini melewati batasan Tauhid sehingga melibatkan bidang-bidang akidah yang lainnya.

Adian menegaskan bahawa fahaman inklusif dan pluralisme yang dianuti pendokong Islam Liberal ini merbahaya, kerana ia menghancurkan akidah Islam. Beliau berkata:

Dalam lapangan akidah, yang akan disorot adalah promosi kelompok ini terhadap teologi inklusif dan pluralis. Penyebaran pemikiran teologi inklusif-pluralis ini dapat dipandang sebagai hal yang sangat serius dalam penghancuran akidah Islam. Apalagi yang menyebarkan teologi jenis ini justru

---

<sup>32</sup> Harvey Cox, “ The Secular City ”, dlm. Admin Armas, 2003, *Pengaruh Kristen-Orientalis Terhadap Islam Liberal*. Jakarta: Gema Insani, hlm. 12-13.

orang-orang yang dikenal sebagai tokoh-tokoh Islam, cendekiawan, kiai, dan aktivis organisasi Islam<sup>33</sup>.

Berdasarkan fahaman inklusif dan pluralis inilah, kumpulan pro Islam Liberal mendakwa semua agama apa-apa pun, pada dasarnya, benar dan yang lebih mengelirukan lagi dakwaan konsep tauhid yang dianuti oleh ketiga-tiga agama samawi adalah sama. Untuk membuktikan hal ini, Adian memetik ucapan-ucapan dari wacana tokoh-tokoh liberal, seperti Anan Krishna, Alwi Shihab dan Said Aqiel Siradji.

Dengan ketiadan ragu-ragu lagi, konsep inklusif-pluralis dan penyamaan konsep tauhid itu membahayakan akidah Islam. Dalam buku ini, sebenarnya terdapat satu lagi perkara penting yang juga membahayakan akidah iaitu sikap pro Islam Liberal menolak syari'ah Islam, tetapi penulis tidak menggambarkan perkara tersebut dengan sepatutnya.

Dengan menelusuri perkembangan kajian-kajian yang sebelum ini, jelaslah bahawa kajian mengenai gerakan liberalisme di Nusantara dan kesannya terhadap akidah Islam secara khusus dan detil belum dijalankan lagi.

9. Mohamed Azam Mohamed Adil, 2003, “Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam”, dalam Jurnal Syariah yang diterbitkan oleh Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, jil.II, bil. 1, Januari 2003. Mohamed Azam mengupaskan konflik yang timbul antara undang-undang Perlembagaan dan undang-undang Islam, melihat perbahasan para ulamak dalam menentukan hak sebenar seseorang untuk menganuti agamanya dan memaparkan bagaimana hukuman bunuh

---

<sup>33</sup>Adian Husaini dan Nuim Hidayat, 2002, *Islam Liberal: Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan dan Jawabannya*. Jakarta: Gema Insani, hlm. 82.

murtad yang menampakkan seolah-olahnya wujud konflik antara hak seorang untuk menganut agama dan hukuman bunuh ke atasnya.<sup>34</sup>

Dalam persoalan hukuman murtad, Mohamed Azam lebih cenderung kepada pandangan golongan modernis yang membawa pendekatan bahawa para murtad secara diam-diam tanpa mengancam Islam tidak dikenakan sebarang hukuman di dunia kerana hukuman tersebut bersifat keakhiran.<sup>35</sup>

10. Mohamad Kamil bin Hj. Abd. Majid, 2006, *Islam Liberal:Tafsiran Agama yang Kian Terpesong*. Buku ini dihasilkan dengan kongsian empat orang pengarang, iaitu Mohammad Kamil bin Hj. Abd. Majid, Fauzi Deraman, Mohd. Asri bin Zainal Abidin dan Admin Armas. Ia merupakan antara bahan penulisan terkini di Malaysia mengenai isu Islam liberal.

Dari sudut konsep, pandangan Mohd. Asri bin Zainal Abidin, salah seorang penulis, yang membezakan antara Islam dan Islam Liberal itu adalah tepat. Menurut beliau, perkataan Islam bermaksud menyerah diri, patuh dan taat kepada perintah Allah. Sementara perkataan Liberal bermaksud pandangan yang terbuka dan tidak terkongkong<sup>36</sup>.

---

<sup>34</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, “Hak Tukar Agama dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam”, dlm. *Jurnal Syariah*, jil.II, bil. 1, Januari 2003, hlm. 24-25.

<sup>35</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, “Hak Tukar Agama dalam Perlembagaan Malaysia”, dlm. *Jurnal Syariah*, jil.II, bil. 1, Januari 2003, hlm. 37.

<sup>36</sup> Mohd. Asri bin Zainal Abidin, “ Ancaman Terhadap Agama ”, dlm. Muhammad Kamil bin Hj. Abd. Majid. 2006, *Islam Liberal: Tafsiran Agama Yang Kian Terpesong*, Selangor: Karya Bestari, hlm. 37-38.

Meskipun salah seorang penulis buku ini, iaitu Mohd. Asri bin Zainal Abidin, telah menyentuh faktor kemunculan liberal dan ancamannya terhadap agama, namun huraian beliau mengenai latar belakang kemunculan liberal terlalu ringkas dan memerlukan maklumat-maklumat dari sumber dalam bahasa Inggeris. Sementara ancaman liberal terhadap agama Islam yang dihuraikan oleh beliau pula, walaupun dihuraikan dengan lebih detil, tetapi masih lagi dalam bentuk umum, penulis buku tersebut tidak tumpu kepada ancamannya terhadap akidah secara khusus.

11. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (penyelenggara), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran*. Buku ini diterbitkan oleh Persatuan Ulama' Malaysia pada tahun 2009 M. Isi kandungan buku tersebut ialah penulisan-penulisan dan juga kajian-kajian sebanyak 15 buah yang dijadikan koleksi untuk disebar. Tumpuan penulisan-penulisan dan kajian-kajian itu khusus kepada Islam liberal sebagai pemikiran moden yang dianggap mengancam dan berbahaya kepada masyarakat Islam kini.

Penulisan Wan Salim Mohd Noor bertajuk “Pluralisme Agama: Kritikan Terhadap Pemikiran Islam Liberal” itu adalah di antara penulisan yang perlu diberi perhatian yang lebih di sini, kerana penulis mengkritik fahaman pluralisme agama serta menjelaskan kebenaran Islam secara jelas dan disokong dengan hujah yang agak kuat.

Wan Salim mengemukakan sebanyak tiga perkara kepalsuan pemikiran pluralisme dengan menjelaskan kekeliruan golongan Islam liberal;

- a. Memutarbelitkan ayat-ayat al-Qur'an. Beliau mencontohi demikian dengan ayat ke 48 daripada surah al- Ma'idah, di mana golongan Islam liberal memahami perkataan “*shir'ah* dan *minhāj*” dengan maksud agama<sup>37</sup>.
- b. Kepalsuan idea pluralisme agama, di mana golongan Islam liberal menarik kesimpulan daripada ayat ke 62, surah al-Baqarah secara salah. Menurut Wan Salim, golongan Islam liberal menyimpulkan bahawa jalan menuju keselamatan di akhirat bukan syari'ah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.w.a. tetapi Islam dalam pengertian universal.<sup>38</sup>
- c. Percanggahan antara agama-agama sebagai bukti kepalsuan idea pluralisme.

Seterusnya, Wan Salim menegaskan bahawa Islam ialah satu-satunya agama kebenaran dengan hujah-hujah daripada dalil textual, rasional, historikal dan saintifik<sup>39</sup>.

12. Sadia Rashid (ketua editor), *Hamdard Islamicus*, Jurnal suku tahunan, vol. XXXIV. April-June 2011. No. 2. Dalam Jurnal ini terdapat artikel Mohd. Farid bin Mohd. Sharif yang bertopik “*Rise of the Liberal Muslims in Contemporary Malaysia*” (dari halaman 57 hingga 67). Perbincangan beliau secara ringkas mengenai latar belakang liberalisme, dan beliau lebih menumpukan kepada faktor kemunculan fahaman liberal di Malaysia abad ke - 21 M. ini. Faktor perubahan politik dan

---

<sup>37</sup> Wan Salim Mohd Noor, “Pluralisme Agama: Kritikan Terhadap Pemikiran Islam Liberal” dlm. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (penyelenggara), 2009, *Islam Liberal: Isu dan Cabaran*, Malaysia: Persatuan Ulama’ Malaysia, hlm. 58.

<sup>38</sup> Wan Salim Mohd Noor, “Pluralisme Agama: Kritikan Terhadap Pemikiran Islam Liberal”, hlm. 59.

<sup>39</sup> Wan Salim Mohd Noor, “Pluralisme Agama: Kritikan Terhadap Pemikiran Islam Liberal”, hlm. 64-68.

perkembangan keintelektualan merupakan faktor utama kebangkitan fahaman yang tersebut.

Dalam artikel itu, Mohd Farid membincangkan dan menjawab hanya terhadap beberapa isu sehaja yang berkaitan dengan perundangan Islam, wanita dan falsafah liberalisme. Pandangan golongan liberal feminis yang diterajui oleh Zainah Anwar dibahaskan.<sup>40</sup>

13. Nur Dalilah binti Mohktar, 2012, *Kebebasan Bergama dan Hak Menukar Agama: Suatu Perbandingan*. Kertas projek yang di bawah seliaan Dr. Siti Zubaidah Ismail, dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.

Kajian dalam kertas projek ini melibatkan aspek kebebasan beragama dari sudut perspektif al-Quran, Sunnah dan peruntukan undang-undang yang ada di Malaysia, dari sudut perspektif Hak Asasi Manusia dan perspektif Barat.<sup>41</sup> Dapatan kajian ialah Islam memberi kebebasan kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan ajaran yang dianutinya. Namun kebebasan untuk menukar agama Islam bukanlah bersifat mutlak.<sup>42</sup>

Keseluruhannya, kajian kertas projek di atas dibuat dalam bidang Syariah dan undang-undang sivil, bukan dalam bidang akidah Islam.

---

<sup>40</sup> Mohd Farid bin Mohd Sharif, “Rise of the Liberal Muslims in Contemporary Malaysia”, dlm. Sadia Rashid (edit), **Hamadard Islamicus**, (Quarterly Journal of Studies and Research in Islam, Published by Hamdard Islamicus in Pakistan, April-June 2011, Vol. XXXIV, No. 2 ), hlm. 26.

<sup>41</sup> Nur Dalilah binti Mokhtar, Kebebasan Beragama dan Hak Menukar Agama: Suatu Perbandingan, (kertas projek yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, tahun pengajian 2012),hlm. 7-8.

<sup>42</sup> Nur Dalilah binti Mokhtar, Kebebasan Beragama dan Hak Menukar Agama, hlm. 47.

#### **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini beredar dalam skop liberalisme agama yang dinilai dari sudut akidah Islam, dan Negara Malaysia dipilih sebagai lokasi kajian. Perbincangan meliputi konsep asas dan persoalan-persoalan akidah Islam berkaitan kebebasan individu, konsep dan sejarah perkembangan liberalisme agama di dunia dan di Malaysia serta faktor-faktornya. Untuk memastikan data dan maklumat mengenai liberalisme agama di Malaysia menjadi lebih bersifat semasa, maka pengolahan data-data lapangan perlu dibuat. Selain daripada itu, suatu penilaian terhadap kedudukan liberalisme agama berdasarkan akidah Islam juga turut dilakukan.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut:

- a. Mengkaji konsep dan sejarah perkembangan liberalisme agama.
- b. Mengkaji konsep dan sejarah perkembangan liberalisme agama di Malaysia.
- c. Menilai dan menganalisis liberalisme agama menurut perspektif akidah Islam.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Meskipun liberalisme agama membawa semangat-semangat positif, seperti mahu kemajuan, kebebasan, kecemerlangan, menentang pemikiran jumud, sikap taklid buta dan lain-lain, namun ia tetap merbahaya, bukan hanya kepada agama Islam sejaja tetapi juga kepada agama-agama yang lain. Bahayanya memang lebih besar dan lebih banyak daripada manfaat. Kalau kefahaman ini tidak dibendung, maka bahaya-bahaya yang akan menimpa masyarakat Islam adalah seperti berikut:

- a. Penambahan bilangan individu yang murtad. Kerana dengan penafsiran liberalisme agama tentang kebebasan individu dalam beragama sangat umum dan amat longgar sehingga memberi hak kepada orang Islam juga boleh menukar agamanya dengan bebas, maka dari sinilah orang Islam melihat peluang untuk menjadi murtad.

Perbuatan murtad sangat bahaya menurut pandangan ulama Islam yang muktabar, sehingga membawanya masuk ke dalam neraka. Selain itu, beberapa hukum Islam yang dikenakan ke atas orang murtad: seperti hartanya dibekukan hak milik, amal ibadahnya dibatalkan, wajib bertaubat untuk mengelak daripada dijatuhkan hukuman bunuh pada akhirnya oleh pihak yang berautoriti. Namun begitu, golongan Muslim liberal tidak rasa kesalahan murtad adalah berbahaya.

- b. Berlaku keceliaruan pemikiran agama yang akan mengundang banyak perbahasan dan dialog mengenai masalah-masalah asas atau pokok, bukan hanya pada masalah ranting sahaja.

Liberalisme agama dibentuk dengan tujuan menentang golongan fundamentalisme agama. Dengan penafsiran bebas yang didokongi itu, mereka mempersoalkan perkara-perkara pokok yang telah diijmakkkan seperti apakah Allah itu Tuhan yang mutlak? Apakah lagi jalan kesyurga selain daripada taat dan beribadat kepada Allah? Apakah manusia bebas beriman dengan Rasulullah atau tidak? Apakah masalah idah perempuan masih relaven pada zaman ini atau tidak? Apakah dengan mengnakam idah ke atas perempuan merupakan satu bentuk deskriminasi gender? Semua topik yang di atas dan yang lainnya diolah, dirumus dan ditafsirkan berdasar kepada rasional akal, kontekstual, kemahuan hawa nafsu. Inilah punca utama menimbulkan kecelarulan pemikiran Islam.

- c. Fahaman ini boleh merosakkan akidah Muslim umumnya. Adalah suatu yang tidak boleh dinafikan akidah merupakan konsep paling asas dalam Islam, yang wajib dijaga agar sentiasa kekal murni dan tidak tercemar oleh mana-mana faktor pencemaran. Akidah mempunyai elemen-elemen yang saling berkait antara satu sama lain. Sekiranya salah satu darinya diingkari maka eleman yang lain turut terbatal dan orang Islam menjadi murtad. Eleman-elemen asas akidah ialah beriman dengan Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Hari Kiamat dan Qada baik dan jahat. Pakar ilmu akidah, seperti ‘Abd Rahman Hasan Habannakah al-Maidaniyy berkata: Akidah Islam tidak berbelah bahagi, sesiapa beriman dengan semua elemennya secara tepat maka ia adalah orang beriman, dan sekiranya ia beriman dengan sebahagian daripadanya serta mengingkari sebahagian yang lain

nescaya eleman yang diingkari itu bercanggah dan membatalkan eleman lain yang diimani.<sup>43</sup>

‘Umar Sulaimān al-Ashqar berpendirian bahawa akidah Islam adalah satu tidak berbelah bahagi. Beliau berkata:

Perkara yang wajib diketahui ialah akidah Islam tidak berbelah bahagi, kerana ia satu unit yang saling berkait antara satu sama lain; keimanan dengan Allah mewajibkan beriman juga dengan Malaikat, Kitab, Rasul dan Hari Kiamat, beriman dengan Kitab juga mengandungi keimanan dengan pokok-pokok iman yang lain<sup>44</sup>.

Tidak seperti agama-agama lain, Islam tegas terutamanya dalam bidang ibadah dan akidah. Oleh kerana sikap ini ada di dalam Islam, maka wujudlah dalam perbincangan agama persoalan syirik, *riddah*, bid'ah, penyelewengan akidah dan lainnya. Sikap tersebut terbentuk daripada beberapa buah hadis, antaranya yang diriwayatkan daripada ‘Aishah bahawa Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

"من أحدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو رد".

Maksudnya: Sesiapa mengada-adakan dalam urusan kami ini perkara yang bukan daripadanya, nescaya perkara itu ditolak. (Ṣaḥīḥ Muslim, kitāb al-Uqdiyat, Bāb Nāqd al-Āḥkām al-Bāṭilat wa Radd Muḥdasāt al-Umūr, juz: 3, hlm:1343. )

Dari Aisyah lagi, ia berkata: baginda bersabda:

"من عمل عملاً ليس عليه أمرنا فهو رد".

Maksudnya: sesiapa beramal dengan suatu amalan yang bukan dari urusan kami maka ia tertolak.( Ṣaḥīḥ Muslim, kitāb al-Uqdiyat, Bāb Naqd al-Āḥkām al-Bāṭilat wa Radd Muḥdasāt al-Umūr, juz: 3, hlm:1344. )

---

<sup>43</sup> Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah Al-Maidāniyy,2000, *al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah wa Ususuhā*, Dār al-Qalam: Demasqus, hlm. 72-73.

<sup>44</sup> Omar Sulaimān al-Ashqar, 2000, *al-‘Aqīdat fī al-Allāh*, Dār al-Nafā’is: Jordan, hlm. 22.